



Malaysian Medical Council

Safeguarding patients, guiding doctors

IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP) DI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA, KUALA LUMPUR.

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi segera kekosongan bagi jawatan **PERSONEL MySTEP** seperti berikut:-

Bil	Jawatan	Kelayakan	Bil. Kekosongan	Penempatan	Kadar Upah
1.	Pegawai Tadbir	Ijazah Sarjana Muda/ Setaraf dengannya	1	Bahagian Pendaftaran dan Pembangunan Profesionalisme	RM 2,100.00
Kemudahan					
Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO					

Calon yang berminat boleh kemukakan resume bergambar kepada hr@mmc.gov.my dengan tajuk emel **PERMOHONAN JAWATAN PERSONEL MySTEP MPM** sebelum atau pada **24 Mac 2024 (Ahad)**.

*Hanya calon yang layak akan disenarai pendek dan akan dipanggil untuk sesi temu duga.

SKOP KERJA

- i. Menguruskan mesyuarat dan menjalankan tugas-tugas arahan mesyuarat;
- ii. Menyediakan draf minit mesyuarat
- iii. Menyediakan surat-surat keputusan dan makluman berkenaan mesyuarat yang telah diputuskan oleh Mesyuarat.
- iv. Menguruskan bengkel yang dirancang berkaitan MER/EPR.
- v. Melaksanakan tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah/Ketua Unit.

SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:

- a) **Warganegara Malaysia;**
- b) Berumur **tidak kurang daripada 18 tahun** dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) i. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
ii. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang berkaitan dan diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d) Memiliki Kepujian (**sekurang-kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** dan **sekurang-kurangnya Gred C** dalam subjek **Bahasa Inggeris** pada peringkat **SPM** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- e) Mempunyai kemahiran menguruskan majlis atau mesyuarat rasmi dan mempunyai kemahiran menulis dan berkomunikasi yang baik dan dalam Bahasa Inggeris, boleh secara bekerja secara individu atau berkumpulan serta bersedia untuk bekerja di lapangan atau luar kawasan sekiranya diarahkan.
- f) Bersedia dan mampu untuk melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- g) Seorang yang positif, bermotivasi, berdisiplin, berkerja secara berkumpulan dan boleh melaksanakan tugas dengan arahan yang minimum oleh ketua jabatan.